

Masalah BN, kata Dr M

BN 19 AUG 1985

KUALA LUMPUR, Ahad — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, Barisan Nasional memerlukan MCA yang teguh dan bersatu bagi menghadapi pilihanraya.

Beliau menyifatkan krisis MCA bukan lagi masalah parti itu semata-mata, tetapi menjadi masalah Barisan Nasional keseluruhannya.

Perdana Menteri menegaskan ini dalam soal-jawab mengenai kesan masalah MCA ke atas pilihanraya dengan pegawai-pegawai Kemajuan Masyarakat, Penerangan Khas dan kakitangan Biro Tatanegara dalam majlis taklimat khas di sini, hari ini.

Setiasaha Agung Umno, Datuk Seri Sanusi Junid memberitahu demikian di sidang akhbar selepas majlis taklimat dan soal-jawab itu. Kira-kira 1,800 peserta, termasuk ketua-ketua bahagian Umno yang dijemput sebagai pemerhati, menghadiri majlis itu.

ia bertujuan memberikan penjelasan mengenai isu-isu politik semasa, yang mengelirukan mereka dan rakyat seluruhnya.

Datuk Seri Sanusi yang juga Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar berkata, Perdana Menteri menjawab kira-kira 30 soalan, kebanyakannya mengenai masalah MCA.

Datuk Seri Dr Mahathir, katanya, tidak menetapkan jangka masa tertentu untuk mengadakan pilihanraya.

"Beliau tidak berkata bahawa pilihanraya akan diadakan selepas setahun masalah MCA selesai.

"Tetapi, adalah logik bahawa tempoh masa tertentu diperlukan untuk menyembuhkan luka. Oleh itu, bergantung kepada lama mana luka itu boleh sembuh bagi menghadapi pilihanraya," jelasnya.

Datuk Seri Sanusi berkata, pemimpin-pemimpin Umno mengambil berat kesan masalah MCA ke atas Barisan Nasional kerana ia telah lama bersama Barisan.

"Saya yakin mereka dapat menyelesaikan krisis itu kerana mereka adalah pemimpin," ujarnya.

Bagaimanapun, soal mengapa Men-

teri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Neo Yee Pan digugurkan daripada kabinet tidak disentuh.

Datuk Seri Sanusi berkata, selain masalah MCA dan pilihanraya, ekonomi semasa dan Proton Saga, Perdana Menteri juga menyatakan tidak setuju mengenai sikap suka merebut jawatan dalam Umno dan kegiatan menyebarkan surat layang.

"Itu adalah amanat penting Perdana Menteri dalam taklimat itu dan beliau menyeru pegawai-pegawai penerangan khas, kemajuan masyarakat dan kakitangan Biro Tatanegara memberi penjelasan sebenar kepada rakyat mengenai dasar-dasar kerajaan," ujarnya.